


# Penerima **PhD termuda** **UiTM**

Sinar Harian  
14 Mei 2010  
MIS 2 Ceraera

NURHAZAH IBRAHIM



● ADZROOL IDZWAN

"**S**ebelum ini bapa saya begitu mengimpikan untuk melihat saya menjadi doktor perubatan, tetapi saya tidak mampu, bagaimanapun bagi memenuhi impian itu saya teruskan perjalanan pengajian sehingga ke tahap ijazah Doktor Falsafah (PhD).  
"Tak mengapalah sekurang-kurangnya ada panggilan doktor di hadapan," katanya bergurau.

Adzrool Idzwan Ismail, 29, merupakan

fotografi forensik, di India.

Beliau yang kini merupakan pensyarah muda di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM mahu menghadiahkan kejayaan itu sempena perkahwinannya pada 29 Mei ini dengan Dr Norsaleha Jamil, 25, yang bertugas di Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang.

Bapa Adzrool, Ismail Ahmad, 69, ketika ditemui berkata, impiannya memang mahu melihat anaknya menjadi doktor perubatan.

"Bagaimanapun saya bersyukur dengan kejayaannya mendapat PhD. Kita hanya berharap tetapi melihat setakat mana dia mampu dan berdoa yang terbaik untuknya," katanya.

Turut hadir meraikan kejayaan itu ialah ibu Adzrool, Siti Rokiah Ismail, 54, Dr Norsaleha dan adik-beradiknya.

Sementara itu, graduan bidang Komunikasi Masa dan Pengajian Media, Intan Ismawati Dzulkiffli, 26, menjadi penerima Anugerah Sarjana Cemerlang bidang berkenaan. Beliau yang berasal dari Kajang menjadikan anugerah itu sebagai pembakar semangat untuk berjaya bagi setiap semester pengajian.

Intan Ismawati berkata, pengajian pada peringkat sarjana bukanlah sesuatu yang mudah kerana memerlukan pengorbanan.

"Bagaimanapun saya dapat mengharunginya hasil usaha sama dan semangat setia kawan serta dorongan pensyarah sehingga saya berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh ditetapkan.



Hadiah  
Adzrool buat  
ibu bapa  
tersayang

Fakulti Komunikasi Masa, Universiti Lim Kok Wing.

Ketika ditanya mengenai perancangan masa depannya, Intan Ismawati bakal melanjutkan pengajian PhD di Australia dan akan menumpukan kajian terhadap 'Media Baru'.



● Adzrool (dua, kanan) bersama ahli keluarga yang meraikan kejayaannya.

penjaja termuda ijazah kedoktoran dalam sejarah Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Selepas empat tahun mengharungi pelbagai rintangan, kini anak muda dari Kedah itu boleh tersenyum lebar apabila berjaya menamatkan pengajian PhD dalam bidang Seni Lukis dan Seni Reka (Fotografi).

Beliau merupakan salah seorang daripada 24 penerima PhD pada sidang pertama Istiadat Konvokesyen ke-72 UiTM, di Dewan Seri Budiman, baru-baru ini.

Menurut Adzrool Idzwan, dia terpaksa mencari bahan dan data sehingga ke luar negara bagi melengkapkan kajian bertajuk "Pengkukuran Kualiti Imej Fotografi Secara Objektif".

"Saya terpaksa pergi ke Korea, Taiwan dan Indonesia selama beberapa minggu bagi melengkapkan kajian kerana bahan dan data di sini tidak mencukupi.

"Saya juga bersyukur kerana berjaya menamatkan pengajian walaupun pernah diperlekeh dan dikata tidak layak mendapat Phd hanya kerana faktor usia," katanya yang berasal dari Simpang Empat Kangkong, Alor Star, Kedah.

Anak kedua daripada empat beradik yang menerima skrol PhD daripada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin selaku Canselor UiTM, bercadang untuk melanjutkan pengajian PhD dalam bidang

"Selain itu, ini sajalah hadiah yang dapat saya berikan kepada ibu bapa atas segala usaha mereka membesarkan saya," katanya yang kini bertugas sebagai pensyarah di



● Adzrool menerima skrol daripada Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Selain itu, penerima Anugerah Sarjana Cemerlang, Ahmad Syaqui Md Hassan, 26, bagi bidang Sains Kejuruteraan Awam memberitahu, formula untuk cemerlang dalam bidang pengajian ialah dengan perlu memahami apa yang diajar dan bukannya menghafal.

"Apa yang penting perlu faham dan belajar secara konsisten, sekiranya tidak faham perlu

tanya kepada pensyarah selepas tamat kelas. Sepanjang tempoh pengajian saya tidak mengalami masalah untuk mencari bahan kajian," katanya yang tamat pengajian dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA), 3.83.

Istiadat Konvokesyen kali ini menyaksikan seramai 15,117 graduan menerima diploma, ijazah sarjana dan sarjana masing-masing yang berlangsung selama 10 hari.



● Penerima ijazah Doktor Falsafah bergambar bersama Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Agong.